



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

# **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 16 / 2020**

**SPR AMBIL MAKLUM KEKOSONGAN LUAR JANGKA  
KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)  
N. 23 CHINI, PAHANG**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham YB Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun atas kembalinya Allahyarham ke rahmahtullah pada 7 Mei 2020 (Khamis). Semoga keluarga Allahyarham tabah menghadapi kehilangan orang yang tersayang.
2. Sehubungan itu, SPR mengambil maklum kekosongan kerusi DUN N.23 Chini dan perlu menunggu pemakluman rasmi daripada Speaker DUN Pahang sebelum mengambil tindakan selanjutnya untuk mengadakan Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi mengisi kekosongan kerusi tersebut.
3. SPR akan mengadakan Mesyuarat Khas bagi membincangkan mengenai pelaksanaan pilihan raya tersebut. Tarikh mesyuarat berkenaan akan dimaklumkan kemudian oleh pihak SPR.

Sekian, terima kasih.

**DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 7 Mei 2020 / 14 Ramadan 1441H